



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88003500
03-88003782
Faks : 03-88003886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JK/MP 16/2
Tarikh : 1 April 2013

Semua Pengarah Mahkamah Negeri

Semua Ketua Bahagian

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN PERUBAHAN WAKTU KERJA BERPERINGKAT PEJABAT
KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)**

Dengan hormatnya saya merujuk YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan telah memperkenalkan pelaksanaan waktu bekerja berperingkat di semua Agensi Kerajaan Persekutuan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2007 yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2007.

3. Namun demikian, bagi tujuan memberikan perkhidmatan terbaik kepada *stakeholder* dan pelanggan Mahkamah, Waktu Peringkat 3 (WP3) yang bermula jam 8.30 pagi adalah kurang sesuai untuk diguna pakai di Mahkamah. Sehubungan dengan itu, seluruh warga PKPMP **HANYA DIBENARKAN** memilih menggunakan WP1 (7.30 pagi – 4.30 petang) atau WP2 (8.00 pagi – 5.00 petang).

4. Sebarang rayuan bagi mengekalkan penggunaan WP3 perlulah dikemukakan kepada Ketua Pendaftar dengan justifikasi dan sokongan bertulis diberikan oleh Pengarah Negeri dan Ketua Bahagian masing-masing. Perkara ini selaras dengan Para 9, Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2007.

5. Arahan ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2013** dan dikecualikan kepada kakitangan yang mempunyai waktu bekerja secara giliran.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(AZIMAH BINTI OMAR)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia

s.k

Timbalan Ketua Pendaftar

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pengarah Pengurusan